Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH) (e-ISSN : 2504-8562)
2023, Volume 8, Issue 7, e002227
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i7.2227

Strategi Daya Tindak Pelajar Berkeperluan Khas Spesifik Disleksia Terhadap Tekanan Emosi

(Coping Strategies of Students with Specific Needs of Dyslexia Towards Emotional Pressure)

Siti Syuhada Mohd Rahmat[1*], Khairul Farhah Khairuddin[2]

[1]Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.
Email: P99508@siswa.ukm.edu.my
[2]Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.
Email: kfk@ukm.edu.my

CORRESPONDING AUTHOR (*):
Siti Syuhada Mohd Rahmat
(P99508@siswa.ukm.edu.my)

KATA KUNCI:
Daya tindak
Disleksia
Masalah pembelajaran
Pendidikan khas

KEYWORDS:
Coping
Dyslexia
Learning disabilities
Special education

CITATION:
Siti Syuhada Mohd Rahmat & Khairul Farhah Khairuddin. (2023). Strategi Daya Tindak Pelajar Berkeperluan Khas Kategori Disleksia Terhadap Tekanan Emosi. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 8*(7), e002227. https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i7.2227

ABSTRAK

Tekanan emosi memberikan impak terhadap pembelajaran murid berkeperluan khas dan pentingnya untuk mempraktikkan strategi daya tindak bagi menangani tekanan tersebut. Kaedah kualitatif berbentuk kajian kes digunakan dalam kajian ini. Kajian ini bertujuan untuk meneroka strategi daya tindak murid bermasalah pembelajaran spesifik disleksia. Bagi mencapai objektif kajian, kaedah temubual digunakan untuk mendalami pengalaman peserta kajian. Sampel kajian adalah seramai 3 orang. Sampel kajian merupakan pelajar berumur tiga belas hingga lima belas tahun yang sedang menuntut di Sekolah Menengah dalam kategori Pendidikan Khas. Analisis bertema digunakan bagi menganalisis data dengan lebih terperinci. Selepas menjalankan analisis, didapati beberapa faktor penting yang dapat membantu memacu kepada daya tindak pelajar bermasalah pembelajaran disleksia seperti faktor emosi. Kajian ini memberikan implikasi kepada institusi pendidikan di samping memberikan kesedaran buat ibu bapa dan masyarakat mengenai kepentingan emosi dalam kalangan murid berkeperluan khas. Selain itu, pihak berkepentingan bertanggungjawab dalam merancang beberapa pelan tindakan bagi memberikan kesedaran kepada masyarakat.

ABSTRACT

Emotional stress affects the learning of students with special needs, and it is important to practice coping strategies to deal with stress. A qualitative method in the form of a case study was used in this study. This study aimed to explore the coping strategies of students with learning difficulties with specific dyslexia. To achieve the goal of the study, the interview method was used to deepen the experience of the study participants. The study sample was 3 people. The sample includes students between the ages of 13 and 15 who are attending high school in the special education category.

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Thematic analysis is used for more detailed data analysis. After performing the analysis, it was found that a number of important factors can help enhance students' coping skills with learning problems with dyslexia such as emotional factors. This study provides implications for educational institutions in addition to raising awareness among parents and the community about the importance of emotions in students with special needs. In addition, stakeholders are responsible for planning a number of action plans to raise awareness in the community.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini menyumbang kepada literatur tentang kepentingan kecerdasan emosi kepada murid berkeperluan khas (MBK) di sekolah.

1. Pengenalan

Kajian ini berkenaan daya tindak pelajar yang bermasalah pembelajaran spesifik disleksia. Daya tindak atau *coping* dalam Bahasa Inggeris, bermakna menangani sesuatu masalah atau situasi yang sukar dengan jayanya. Kajian ini meneroka sejauh mana beberapa faktor mampu mempengaruhi pembelajaran seseorang pelajar. Menurut Panga et al. (2018), daya tindak merupakan usaha kognitif dan tingkah laku yang sentiasa berubah untuk mengurus permintaan luaran atau dalaman khusus yang dinilai sebagai di luar kemampuan seseorang itu.

Pendidikan adalah pengalaman yang sangat bernilai dan sangat penting pada zaman kanak-kanak dimana proses pemindahan pelbagai ilmu dan kemahiran yang difikirkan penting dalam masyarakat. Sekolah bukan sahaja asas untuk menimba ilmu dalam pelbagai bidang, malah merupakan batu loncatan dalam kehidupan kanak-kanak untuk mempelajari kemahiran hidup dan sosial yang penting. Matlamat penting di sekolah ialah pemerolehan literasi, dan membaca khususnya kemahiran asas untuk mendapatkan maklumat dalam pelbagai cara. Sama ada untuk kandungan wajib di sekolah, keperluan di tempat kerja, atau dalam menyampaikan arahan penting. Membaca juga dapat membantu kanak-kanak mengembangkan kemahiran bahasa, dan membaca buku cerita boleh memupuk perkembangan imaginasi dan kreativiti kanak-kanak. Oleh hal yang demikian, terdapat kebimbangan besar apabila kanak-kanak bergelut dengan kemahiran ini, kerana boleh mengganggu pencapaian akademik mereka.

Perkembangan tingkah laku dan emosi didapati penting dalam pembelajaran di sekolah kerana emosi boleh menghalang pembelajaran (Freire et al., 2020). Namun begitu, masalah berkaitan tingkah laku sering diuruskan dengan ubat-ubatan dan bukan melalui intervensi berasaskan sekolah (Firth et al., 2008). Keadaan ini agak membimbangkan kerana masalah pembelajaran merupakan antara punca utama kepada kehidupan negatif seperti keciciran sekolah, masalah tingkah laku remaja, pengangguran, pengasingan sosial, harga diri yang rendah, kemurungan dan masalah mental yang lain (Frydenberg, 2020).

Memandangkan masalah pembelajaran adalah sepanjang hayat, tumpuan intervensi tidak seharusnya diberikan pemulihan kerana ia bukan sesuatu yang boleh "diubati"; sebaliknya tumpuan harus diberikan kepada mempromosikan penyesuaian untuk menyokong individu dengan cara yang membantu mereka menguruskan kesukaran dan mengatasi halangan dengan lebih baik. Sudah tentu, apabila menentukan cara untuk

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

menyampaikan campur tangan yang menyediakan sokongan emosi dan sumber daya penyesuaian, adalah penting untuk memasukkan perspektif orang yang menerima sokongan kerana seseorang tidak boleh menganggap bahawa mereka adalah pakar dalam kehidupan orang lain.

Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk memahami daya tindak Murid Berkeperluan Khas (MBK) terhadap cabaran sebagai seseorang yang mempunyai masalah pembelajaran spesifik disleksia.

2. Kajian Kepustakaan

Disleksia bukanlah istilah yang jarang didengari malah perkataan disleksia sudah pun meluas dalam kalangan masyarakat berpendidikan dan juga yang bukan dalam bidang pendidikan. Ini menunjukkan bahawa masalah pembelajaran disleksia adalah tidak asing lagi dan bukanlah perkara yang luar biasa. Istilah disleksia adalah ketidakupayaan berkaitan otak dan mereka menghadapi kesukaran berkaitan pembelajaran.

Salah satu ciri yang jelas bagi murid disleksia adalah tahap kelancaran membaca yang rendah, tulisan tangan yang lemah, kerap menolak dan menambah perkataan ketika membaca, sering dikelirukan dengan huruf tertentu dalam perkataan yang dibaca, seperti huruf 'b' yang kerap dilihat sebagai huruf 'd', manakala huruf 'p' pula sering dilihat sebagai huruf 'q' . Menurut Ahmad et al. (2013), antara sifat orang yang impulsif atau sering mengikut perasaan sendiri tanpa menghiraukan orang lain adalah perhatiannya mudah terganggu atau sukar menyiapkan sesuatu kerja. Murid disleksia merupakan murid yang mempunyai masalah pembelajaran yang melibatkan kesukaran membaca dan mengenal huruf, simbol, bunyi dan yang berkait rapat dengan perkara tersebut.

Istilah disleksia sering digunakan untuk murid yang menghadapi kesukaran belajar untuk mengecam simbol dan bunyi. Telah terbukti melalui kajian yang menunjukkan disleksia berpunca daripada kromosom 1, 15 dan 16 dimana berkemungkinan diwarisi daripada genetik (Ahmad et al., 2013). Kanak-kanak disleksia sukar untuk mengenali perkataan bercetak, mempunyai kesukaran membunyikan kata-kata yang tidak dikenali, dan sering juga membaca dengan perlahan atau merangkak-rangkak tidak seperti kanak-kanak tipikal (Shedd, 1968).

Berdasarkan Selian et al. (2020), mengatasi adalah kecenderungan cara yang boleh diramalkan terhadap situasi tertentu. Menurutnya lagi, daya tindak pula merupakan sesuatu yang dilaksanakan untuk mengatasi tuntutan berat di luar kemampuannya sendiri; selain menunjukkan percubaan untuk mengatasi, mengurangkan atau bertolak ansur dengan ancaman yang dialami oleh seseorang akibat tekanan. Daya tindak merujuk kepada gabungan penggunaan kognitif dan tingkah laku, serta bagaimana seseorang itu memilih tindakan yang terbaik untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh individu tersebut (Samsudin & Surat, 2022).

Teori Penilaian Kognitif atapun *Cognitive Appraisal Theory* oleh Lazarus dan Folkman (1984) merupakan sandaran kepada kemahiran daya tindak. Teori tersebut menyatakan bahawa, proses penilaian kognitif berjalan melalui jangka hayat seseorang dan melibatkan proses penilaian mengapa serta punca sesuatu itu menjadi tekanan kepada seseorang, termasuklah dua dimensi daya tindak yang berpusatkan masalah dan daya tindak yang berpusatkan emosi (Abd. Razak & Mydin, 2021).

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

3. Metod Kajian

Rekabentuk kajian adalah merupakan kajian kes dengan mengaplikasikan pendekatan kualitatif. Reka bentuk kajian ini melibatkan kajian kes dengan menggunakan pendekatan kualitatif. Pendekatan ini digunakan oleh pengkaji untuk meneroka pelbagai aspek seperti tingkah laku, pandangan, perasaan serta pengalaman dan segala yang terdapat atau yang berkaitan dengan peserta kajian dengan lebih mendalam (Lebar, 2018). Kajian yang dilaksanakan merupakan kajian kes mengenai daya tindak pelajar berkeperluan khas disleksia, maka pengkaji memilih untuk meneroka perasaan, perspektif dan pengalaman melalui kaedah dalam kualitatif seperti temu bual di mana tidak boleh diterokai melalui kaedah kuantitatif yang berbentuk pengiraan.

Persampelan kajian pula merupakan pemilihan suatu kumpulan mengikut beberapa cara proses persampelan untuk dikaji bersesuaian dengan tujuan kajian. Dalam penyelidikan kualitatif, teknik persampelan yang digunakan adalah teknik persampelan bukan kebarangkalian. Kaedah persampelan bukan kebarangkalian biasanya diaplikasikan untuk mendalami kajian yang bersifat kualitatif. Prosedur persampelan bertujuan dipilih kerana bersesuaian dengan kajian.

Persampelan bertujuan bermaksud satu kumpulan subjek yang memiliki kriteria yang tertentu sahaja yang akan dipilih sebagai peserta kajian. Persampelan bertujuan digunakan bagi pemilihan peserta kajian untuk memudahkan proses mengumpul data daripada pengetahuan dan pengalaman individu bagi objektif kajian.

Seramai tiga remaja berjantina lelaki antara linkungan umur 13 sehingga 15 tahun telah dipilih sebagai sampel kajian. Sampel ini dipilih kerana menepati kehendak kajian di mana mereka mrupakan remaja yang mempunyai masalah pembelajaran spesifik disleksia. Kriteria sampel kajian yang diperlukan adalah yang menepati syarat seperti, MBK berkategori disleksia, MBK berumur di antara 13 sehingga 15 tahun dan menunjukkan peningkatan dalam prestasi akademik.

Kajian ini menggunakan protokol temu bual. Terdapat tiga jenis temubual, antaranya adalah temu bual berstruktur, temu bual tidak berstruktur dan temu bual separa berstruktur. Temubual separa berstruktur dipilih bagi penyelidikan ini. Penerangan juga boleh dijelaskan dengan lebih mendalam maksud soalan atau kajian bagi mengelakkan salah tafsir dan salah anggap.

3.1. Prosedur Pengumpulan Data

Satu kebenaran bertulis bagi menjalankan penyelidikan ini telah dimohon daripada pengetua sekolah dan pengurus pusat berkenaan. Peserta kajian telah diterangkan bahawa bentuk kajian adalah kualitatif yang memerlukan kutipan data dalam bentuk temu bual berstruktur. Pertemuan bersama peserta kajian adalah mengikut masa yang telah ditetapkan dengan mengadakan pertemuan secara terancang dengan bermula di Pusat Disleksia dan seterusnya bertemu dengan guru di Sekolah Menegah yang menjadi tempat kajian dijalankan.

Pengkaji bertemu dengan semua MBK mengikut masa yang telah ditetapkan dengan mengadakan pertemuan secara terancang bermula di Pusat Disleksia dan seterusnya bertemu dengan guru di Sekolah Menengah yang menjadi tempat kajian dijalankan.

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Pengkaji bertemu dan menemubual secara langsung dan merekodkan dapatan temubual secara terus.

Data kajian dianalisis secara transkripsi. Proses transkripsi atau menyalin adalah langkah pertama dalam penganalisaan data bagi kualitatif. Data dikumpul melalui temu bual direkodkan pada protokol temu bual yang telah disediakan. Proses transkripsi ini juga dilakukan secara menyeluruh merangkumi apa yang didengari serta diperhatikan.

Setelah melalui proses transkripsi, data diorganisasi dengan menyusun data mengikut bahagian yang mudah untuk proses seterusnya. Proses organisasi data ini dibuat dengan membahagikan data mengikut bahagian-bahagian yang tertentu mengikut tarikh dan masa ataupun mengikut konteks. Seterusnya melalui proses pelaziman iaitu proses membaca dan mendengar semula rakaman temu bual dan menonton semula rakaman video serta membuat ringkasan sebelum membuat analisis data yang formal. Seterusnya adalah proses coding, iaitu melibatkan proses analisis bertema.

Pengkaji merekodkan dapatan yang diperolehi untuk analisis deskriptif. Pengkaji membahagikan kepada dua bentuk bentuk yang berbeza untuk membuat laporan analisis temu bual yang terdiri daripada borang transkripsi dan bentuk subjek. Seterusnya, penyelidik mewujudkan beberapa tema daripada hasil temu bual yang ditranskripsi dan mempersembahkan data dalam bentuk deskriptif.Data dianalisis dengan berpandukan kepada Model Transaksional Stress dan Daya Tindak.

4. Dapatan Kajian

4.1. Demografi Peserta Kajian

Jadual 1 yang menunjukkan demografi bagi peserta kajian. Nama yang dinyatakan adalah nama samaran. Berdasarkan Jadual 1, tiga peserta kajian berumur sekitar 13-15 tahun terdiri daripada pelajar yang sedang menjalani intervensi di Pusat Disleksia Batu Pahat.

Jadual 1: Demografi peserta kajian

Peserta kajian	Umur	Jantina	Lokasi tempat tinggal	Status sosioekonomi
Azman	14 tahun	Lelaki	Bandar	Tinggi
Benjamin	15 tahun	Lelaki	Luar bandar	Sederhana tinggi
Syafiq	14 tahun	Lelaki	Bandar	Sederhana

Ketiga-tiga peserta kajian dipilih kerana menepati kriteria bagi kajian ini. Ketiga-tiga peserta kajian adalah berjantina lelaki. Lokasi tempat tinggal peserta kajian yang bernama Azman dan Syafiq adalah di kawasan bandar manakala Benjamin pula di kawasan luar bandar. Meskipun begitu, ketiga-tiga peserta kajian adalah menuntut di sekolah yang sama iaitu di kawasan bandar. Berdasarkan temu bual yang dijalankan, terdapat perbezaan yang ketara pada status sosioekonomi di antara ketiga- tiga peserta kajian. Status sosiekonomi Azman adalah tinggi, manakala status sosioekonomi Benjamin adalah sederhana dan status sosioekonomi Syafiq adalah sederhana tinggi.

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

4.1.1. Azman

Azman adalah seorang pelajar Pendidikan Khas di Sekolah Menengah. Azman berumur 14 tahun dan merupakan anak tunggal dalam keluarganya. Ibu Azman bekerja sebagai peguam di syarikat guaman di daerah Batu Pahat manakala ayahnya pula merupakan pensyarah di Universiti di Johor Bahru. Azman adalah salah seorang yang menjalani intervensi di pusat disleksia yang terletak di Batu Pahat. Azman merupakan seorang pelajar yang mudah diajak berbual, peramah dan mesra dengan orang sekeliling.

Ibu bapa Azman menjelaskan bahawa dia sangat kecewa dengan membaca dan menulis dan mengalami masa sukar di sekolahnya dan hal yang demikian menyebabkan ibu bapanya membawanya ke Pusat Disleksia. Guru Azman pada tahun sebelum Azman disahkan disleksia telah mengesyorkan supaya Azman diuji, dan juga mencadangkan pakar yang bertauliah untuk menjalani terapi terhadap kesukaran dalam pembelajaran Azman. Disebabkan kebimbangan mereka mengenai prestasi akademiknya dan kesukaran Azman dalam membaca dan menulis, mereka mengambil cadangan itu dan membawanya untuk membuat penilaian. Telah didedahkan bahawa Azman mempunyai masalah pembelajaran, khususnya disleksia yang diterjemahkan kepada kesukaran membaca, menulis dan mengeja. Untuk mengesahkan kesukaran ini, Azman ditanya tentang perasaannya tentang sekolah dan memberikan jawapan seperti:

"...Saya rasa macam sedikit susah bila nak membaca dan menulis..." (Azman)

4.1.2. Benjamin

Benjamin merupakan salah seorang pelajar Pendidikan Khas di Sekolah Menengah. Benjamin berumur 15 tahun dan merupakan anak 3 daripada 4 adik beradik. Ibu Benjamin bekerja sebagai guru besar di Sekolah Rendah Kebangsaan di Batu Pahat manakala ayahnya pula bekerja sebagai kontraktor rumah di sekitar Batu Pahat juga. Benjamin adalah salah seorang yang menjalani intervensi di pusat disleksia yang terletak di Batu Pahat. Benjamin merupakan seorang pelajar yang sangat positif dan lembut tutur kata dan peribadinya. Benjamin disukai ramai kawan kerana Benjami merupakan seorang pengawas sekolah semasa di sekolah rendah. Difahamkan Benjamin baru sahaja pindah ke Sekolah Menengah.

Benjamin telah disahkan disleksia apabila usianya menjangkau 9 tahun. Pada ketika itu ibunya bertemu dengan gurunya untuk membuat penilaian bersama guru pemulihan untuk mengenalpasti masalah pembelajaran yang dihadapi oleh anaknya kerana ciri-ciri yang ketara pada Benjamin. Ibu bapa Benjamin merasa simpati kepada anaknya kerana anaknya kurang mahir dalam membaca dan menulis berbanding adik beradiknya yang lain. Guru Benjamin sememangnya menyedari akan hal tersebut dan sudah pernah memberikan maklum balas kepada ibu bapanya semasa hari pertemuan bersama ibu bapa di sekolah cuma tidak memberitahu secara langsung kerana bimbang akan penolakan sebagaimana yang berlaku pada pelajar sebelum ini. Kebetulan ibu Benjamin mengenali gurunya dan cuba bertanya mengenai Benjamin secara persendirian dengan gurunya. Setelah ibu Benjamin, guru dan guru pemulihan sekolahnya membuat penilaian yang terperinci, maka akhirnya mereka mendapat keputusan. Setelah itu, mereka merujuk kepada pakar untuk pengesahan yang lebih teliti.

Bagi tujuan pengesahan, Benjamin ditemubual untuk mengetahui kesukaran dalam membaca dan menulis atau kelemahan lainnya:

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

> *"...Saya memang susah nak tengok huruf tu betul-betul itu yang saya susah nak baca laju macam orang lain..."* (Benjamin)

4.1.3. Syafiq

Syafiq merupakan salah seorang pelajar Pendidikan Khas di Sekolah Menengah di Batu Pahat, Johor. Syafiq berumur 14 tahun mempunyai enam adik beradik dan merupakan anak kedua. Ibu Syafiq adalah suri rumah manakala ayahnya pula bekerja sebagai polis di daerah Batu Pahat juga. Syafiq adalah salah seorang yang menjalani latihan di Pusat disleksia Batu Pahat. Syafiq merupakan seorang pelajar yang agak pendiam. Syafiq merupakan pengawas di sekolah rendah sebelum masuk ke sekolah menengah. Syafiq adalah seorang murid yang boleh diharap kerana dia mengikuti arahan guru dengan baik.

Ibu bapa Syafiq menyedari bahawa anaknya mempunyai kelemahan yang sangat ketara meskipun adik bradik yang lain turut lemah dalam pelajaran akan tetapi, Syafiq terlalu ketara sehinggakan guru memaklumkan kepada ibu bapa Syafiq untuk mengikuti beberapa penilaian bagi melihat ciri-ciri disleksia pada anaknya. Memandangkan ciri-ciri masalah pembelajaran pada Syafiq begitu ketara, gurunya mencadangkan kepada ibu bapa Syafiq agar dibawa untuk mengesahkan bahawa ciri-ciri kesukaran dalam pembelajaran Syafiq adalah disebabkan oleh masalah pembelajaran disleksia dan bukannya biasa atau normal. Pada mulanya ibu bapa Syafiq kurang bersetuju dengan cadangan gurunya itu, akan tetapi disebabkan ibu bapanya meminta pandangan daripada keluarga dan rakan-rakan yang lain maka mereka pun terbuka hati untuk membawa Syafiq melakukan pengesahan dengan pakar yang tertentu. Apabila pengkaji menemubual Syafiq, kelihatan Syafiq kurang berani dan kurang yakin dan juga mungkin berasa rendah diri apabila ditanya mengenai kesukaran yang dilaluinya :

> *"....Saya memang tak boleh la kalau Bahasa Melayu lagi-lagi bila Cikgu ajar Bahasa Inggeris. Kalau Matematik tu okay la...."* (Syafiq)

Syafiq menunjukkan bahawa dia mengalami kesukaran dalam mata pelajaran bahasa dan berpendapat mata pelajaran matematik adalah lebih mudah baginya.

5. Pengurusan Tekanan Dalaman dan Luaran

Dapatan kajian dibincangkan menerusi dua tema utama iaitu pengurusan tekanan dalaman dan luaran pelajar disleksia serta sumber daya dalaman pelajar disleksia seperti yang diringkaskan dalam Jadual 2.

Jadual 2: Tema dan Subtema

Tema	Subtema
Pengurusan tekanan dalaman dan luaran	Punca tekanan terhadap emosi
	Tindak balas emosi menghadapi tekanan
	Kemahiran daya tahan
Kesan sokongan sosial terhadap emosi	Sokongan ibu bapa dan keluarga
	Sokongan guru
	Penglibatan dalam aktiviti

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

5.1. Punca tekanan dalaman

Terdapat peserta kajian yang menterjemahkan masalah pembelajarannya kepada kemahiran dan bukan sebagai sebahagian daripada identitinya, yang menurut Dilnot et al. (2017), perkara tersebut adalah faktor penyesuaian positif yang mana seseorang pelajar menyedari bahawa kesukaran membaca dan menulis mereka adalah sesuatu yang khusus dan bukan sebahagian daripada identiti mereka.

Dalam erti kata lain, masalah pembelajaran merupakan sesuatu yang dihadapi, dan tidak semestinya sesuatu yang dimiliki yang membentuk karakter seseorang itu. Persepsi peserta kajian terhadap masalah pembelajaran yang dihadapi mereka juga salah satu perkara yang penting dalam menghadapi sesuatu perkara yang sukar. Perkara ini dibuktikan melalui pandangan salah seorang peserta kajian seperti :

> *"…Saya diberitahu oleh keluarga mengapa saya mengalami kesukaran masa di sekolah..."*(Azman)

> *"…macam sesuatu yang bagus untuk kita tahu yang kita ada masalah pembelajaran..."*(Benjamin)

> *"…Saya tak pandai baca lepastu saya kena pindah kelas Pendidikan Khas..."*(Syafiq)

5.2. Tindak balas emosi terhadap tekanan

Dengan memahami kognitif peserta kajian mengenai masalah pembelajarannya, ia juga penting untuk memahami tindak balas yang berpunca daripada kesukarannya untuk menghargai pengalamannya. Difahamkan bahawa tindak balas emosi terhadap kesukaran adalah kebiasaannya kekecewaan, dan kurang yakin diri. Sebagai contoh:

> *"...saya kecewa bila dapat kertas ujian tu balik. Saya tunjuk pada mak ayah tapi saya memang kecewa.."*(Azman)

> *"...Saya tak tahu macam mana saya nak buat saya dah cuba dah..."*(Syafiq)

5.3. Kemahiran daya tahan

Pertama, jelas bahawa peserta kajian cuba menangani masalah kesukaran itu sendiri dan boleh dianggap sebagai satu jenis strategi daya tindak berfokus masalah. Percubaan untuk menyelesaikan masalah adalah melalui strategi mencari bantuan, contohnya, peserta kajian bertemu guru atau orang dewasa lain untuk mendapatkan bantuan memahami hal pembelajaran yangmereka anggap sukar untuk belajar dengan lebih berkesan (Skinner et al., 2013), dan dianggap sebagai salah satu daya tindak yang biasa digunakan oleh kanak-kanak dan orang dewasa (Skinner & Gembeck, 2007). Contohnya bila ditanya mengenai kesukaran dalam pembelajaran yang dihadapi dan apa yang mereka lakukan untuk membantu diri sendiri:

> *"...Saya minta cikgu membacakannya untuk saya atau menulisnya..."* (Azman)

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

> *"...Saya akan tengok youtube sebab saya ingat cikgu kata kalau di rumah boleh tengok youtube untuk belajar..."*(Benjamin)

> *"...Saya ada tanya cikgu kalau di sekolah tapi di rumah saya tanya ibu dengan ayah kadang-kadang tengok internet juga.."*(Syafiq)

Seterusnya, tindakan untuk menangani tekanan adalah dengan melaksanakan strategi yang dapat meredakan kekecewaan. Oleh itu, dengan menggunakan daya tindak yang berfokuskan emosi iaitu mengawal selia emosi yang tertekan, dan dalam kes peserta kajian ini nampaknya mereka produktif kerana ianya membantu dalam fokus mengenai tugas atau situasi akademik. Sebagai contoh:

> *"...saya pergi rehat atau saya buat sesuatu yang lain macam melukis ke buat benda lain lepastu baru saya buat baik yang macam susah tu.."* (Azman)

> *"...Saya akan melayari media sosial seperti aplikasi tiktok dan instagram..."* (Benjamin)

> *"...Saya akan bermain dengan telefon bimbit dan kadang-kadang tolong mak buat kerja rumah atau jaga adik..."*(Syafiq)

Peserta kajian nampaknya menyesuaikan diri dengan masalah pembelajara yang begitu mempengaruhi mereka hanya dalam akademik sahaja. Peserta kajian menganggap kesukaran yang dihadapi seperti membaca, menulis, dan mengeja, dan memandang perkara ini sebagai masalah kerana perkara tersebut mempengaruhi akademik yang dipandang penting. Ini jelas menunjukkan bahawa mereka menyedari bahawa identiti tidak terikat sepenuhnya dengan menjadi "kurang upaya pembelajaran".

Perkara ini membantu untuk menjelaskan mengapa mereka mengalami kesukaran yang dilihat sebagai sesuatu yang positif kerana mereka memahami keperluan dalam memperjuangkan diri sendiri untuk menangani kesukaran tersebut.

6. Sokongan sosial kepada emosi

Sokongan sosial adalah faktor luaran dalam persekitaran. Sokongan sosial merujuk kepada fungsi dan kualiti hubungan sosial termasuk bantuan ketersediaan (Schwarzer & Knoll, 2007), dan memainkan peranan penting dalam proses daya tindak dan tekanan (Schwarzer & Knoll, 2007). Sokongan sosial adalah faktor yang sangat penting dalam membantu seseorang untuk bermotivasi dan meningkatkan daya tindak mereka. Berdasarkan pengalaman peserta kajian, mereka mempunyai banyak sokongan sosial dalam hidup seperti rakan-rakan, ibu bapa, keluarga, dan guru di sekolah atau dalam program komuniti. Ini menunjukkan bahawa mereka mempunyai rangkaian sokongan untuk membantu menghadapi kesukaran dan kekecewaannya dikaitkan dengan mereka.

6.1. Sokongan ibu bapa dan keluarga

Sokongan ibu bapa dan keluarga merupakan yang paling penting dan utama. Keluarga merupakan orang yang terdekat dengan kita. Sokongan ibu bapa termasuklah galakan lisan dan sokongan emosi terhadap pekerjaan dan pelajaran anak (Sivabalan et al., 2018). Ibu bapa peserta kajian amat membantu menyumbangkan sokongan terhadap anak-anak

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

mereka. Peserta kajian mengatakan bahawa orang yang mereka akan meluahkan dan meminta bantuan adalah ibu bapa dan keluarga mereka, ini dapat dibuktikan melalui:

> *"...Saya akan bagitahu pada ibu bila ada masalah, kalau ibu saya tak boleh bantu dia akan bagitahu ayah saya..."*(Azman)

> *"...ibu dan ayah saya memang selalu tanya saya apa aktiviti hari ini di sekolah dan kerja rumah memang mereka bnayak harapkan saya dan selalu bagi tunjuk ajar..."*(Benjamin)

> *"...Selalunya ibu yang tolong saya macam kerja kat rumah angkat baju, jemur baju dan banyak lagi..."*(Syafiq)

6.2. Sokongan guru dan rakan-rakan

Sokongan daripada sekolah juga dapat memacu kepada daya tindak yang efektif kepada peserta kajian. Peserta kajian banyak menceritakan mengenai pengalaman mereka tentang sokongan yang diberikan oleh guru dan rakan mereka. Hal ini dapat dibuktikan melalui :

> *"...cikgu banyak tolong saya kadang itu saya tidak ada minta bantuan pun tapi cikgu datang pada saya dan bantu saya menulis atau bacakan soalan ujian untuk saya..."*(Azman)

> *"...saya selalu juga minta bantuan cikgu dan kadang-kadang rakan-rakan saya juga ada membantu saya bila mereka nampak saya tengah susah nak siapkan kerja cikgu bagi..."*(Benjamin)

> *"...saya memang malu dengan masalah pembelajaran saya tapi saya tengok cikgu dengan kawan-kawan baik sahaja dengan saya...."*(Syafiq)

Peserta kajian menyatakan bahawa mereka memang mendapat sokongan yang baik daripada persekitaran sekolah seperti guru-guru dan juga rakan mereka. Perkara ini menyebabkan peserta kajian berasa disayangi dan tidak disisihkan daripada masyarakat sekeliling. Memandangkan peserta kajian menghabiskan sebahagian besar hari mereka di sekolah, adalah penting bahawa mempunyai seorang guru yang mereka berasa selesa dan boleh bercakap tentang kesukaran yang dialami. Perasaan pelajar tentang sekolah selalunya dikuasai oleh hubungan mereka dengan guru mereka yang menyumbang kepada keterikatan mereka ke sekolah. Jelas sekali bahawa guru dan rakan mengambil berat dan memberikan sokongan emosi.

6.3. Penglibatan dalam aktiviti

Seterusnya yang akan dibincangkan ialah faktor yang patut diberi perhatian, iaitu penglibatan peserta kajian dalam sukan dan riadah. Penglibatan dalam seseuatu aktiviti dapat membantu peserta kajian dalam mengenali potensi diri mereka. Dengan mengenali potensi diri, seseorang mampu meningkatkan keyakinan diri dan menghargai diri mereka sendiri. Melalui penglibatan dalam aktiviti mereka akan menyedari kemahiran yang mereka kuasai yang dianggap menjadi kekuatan diri mereka. Contohnya:

> *"...Saya beritahu ibu bapa saya yang saya pandai main hoki dan saya rasa seronok bila ada rasa yakin dengan permainan hoki..."*(Azman)

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

"...Saya rasa saya memang bagu dalam permainan bola sepak sebab cikgu saya pun cakap begitu..."(Benjamin)

"...Saya suka menyertai kelab silat dan saya bagitahu pada ayah yang saya minat betul dengan silat jadi ayah saya pun daftarkan saya dan saya memang seronok jumpa kawan-kawan lain di kelab silat..." (Ayah Syafiq)

7. Perbincangan

7.1. Pengaplikasian Strategi Daya Tindak Dalam Menguruskan Tekanan

Berdasarkan hasil temubual, strategi daya tindak MBK dalam menguruskan tekanan dapat dilihat daripada beberapa tema seperti:

i. Punca tekanan dalaman
ii. Tindak balas emosi menghadapi tekanan
iii. Kemahiran daya tahan

Ketiga-tiga tema merupakan antara aspek yang membentuk strategi daya tindak tersebut dan bagaimana MBK mengaplikasikan strategi daya tindak. Seperti yang dibincangkan dalam tinjauan literatur sebelum ini, soalan ini disokong oleh teori yang berkaitan. Teori yang seringkali digunakan dalam kajian ini adalah merupakan Model Transaksional Stress dan Daya Tindak.

Berdasarkan daripada analisis temu bual punca tekanan kepada emosi MBK adalah daripada persepsi diri sendiri, ibu bapa dan orang sekeliling mereka. MBK mengaplikasikan strategi daya tindak dengan menganggap bahawa masalah pembelajaran mereka sebagai sesuatu kesukaran dalam pembelajaran dan bukan sesuatu yang membentuk identiti seseorang. Dalam berdepan dengan tekanan sebagai MBK, persepsi diri sendiri perlu dititikberatkan dan bagaimana ibu bapa mampu membentuk efikasi kendiri anak-anak mereka untuk menjadikan persepsi tersebut membantu mereka dalam menjalani kehidupan sebagai seorang dengan ketidakupayaan pembelajaran. Kenyataan ini juga disokong oleh Harahap et al. (2022) dalam kajian lepas, yang menyatakan efikasi kendiri termasuk persepsi diri sendiri sebagai kesan ke atas emosi berkaitan pembelajaran dan strategi pembelajaran metakognitif mereka, seterusnya, mampu mempengaruhi prestasi akademik.

Seterusnya mengenai tindak balas emosi, hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa MBK menunjukkan perasaan kecewa apabila melalui fasa kesukaran. Akan tetapi MBK tetap membawa kertas peperiksaan mereka dan berani untuk menunjukkan gred yang rendah kepada ibu bapa. Mereka juga ingin ibu bapa untuk membantu dalam mendapatkan gred yang lebih baik. Melalui dapatan daripada ibu bapa dan guru, menunjukkan bahawa peserta kajian menunjukkan reaksi kecewa sekiranya tidak dapat menyiapkan tugasan yang dianggap sukar. Akan tetapi MBK akan cuba untuk mengalihkan perhatian kepada sesuatu perkara yang lain dan setelah itu mereka kembali menyelesaikan perkara yang sukar tersebut dengan meminta bantuan daripada guru atau ibu bapa. Melalui strategi daya tindak berfokus masalah ini membantu seseorang mengurangkan tekanannya dan cuba untuk menyelesaikan kesukaran tersebut. Seperti yang telah dinyatakan oleh strategi yang berfokuskan masalah terbukti berkesan dalam membantu menguruskan tekanan akademik dan yang berkaitan akademik yang dihadapi oleh pelajar semasa pembelajaran (Mujahidah et al., 2019).

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Seterusnya dalam konteks kemahiran daya tahan, hasil dapatan kajian menunjukkan MBK mampu mencari cara dalam membantu diri mereka sendiri dengan pelbagai cara yang diketahui. Cara yang mereka aplikasikan adalah melalui nasihat daripada guru dan ibu bapa. Dalam menghadapi kesukaran, MBK mampu mencari cara untuk menyelesaikan kesukaran seperti menonton youtube bagi membantu dalam meningkatkan kemahiran membaca. Kemahiran daya tahan ini menyebabkan MBK tidak mahu berputus asa melainkan mencari jalan keluar kepada masalah kesukaran yang mereka hadapi. Daya tahan memastikan seseorang memiliki konsistensi bagus dalam menggapai keinginan. Walaubagaimanapun cabaran yang merintangi, individu tersebut mampu mengatasi kesukaran ini dengan cara yang yakin diri dan berdaya tahan (Ibrahim & Hussin, 2016).

7.2. Kesan Sokongan Sosial

Berdasarkan analisi temubual, kesan sokongan sosial kepada MBK terbahagi kepada beberapa tema seperti:

i. Sokongan ibu bapa dan keluarga
ii. Sokongan guru
iii. Penglibatan dalam aktiviti

Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa MBK mempunyai sokongan sosial daripada ibu bapa. Antara sokongan yang jelas adalah ibu bapa mendaftarkan ke Pusat Disleksia dan beberapa aktiviti komuniti luar. Berdasarkan temu bual dengan guru juga mendapati ibu bapa memberikan kerjasama dalam mengurangkan kesukaran yang dialami oleh MBK. Ketiga-tiga MBK juga mempunyai keyakinan kerana mereka mendapat sokongan yang baik daripada ibu bapa dan keluarga. Menurut Roksa dan Kinsley (2019), stereotaip yang berlegar dalam fikiran masyarakat menunjukkan pelajar daripada keluarga yang berpendapatan rendah kekurangan dari sudut akademik; yang mana bantuan dalam akademik juga termasuk sebagai sokongan keluarga. Tambahan lagi bukan sahaja sokongan keluarga akan tetapi berdasarkan kajian ini, dilihat MBK juga menunjukkan nilai positif disebabkan oleh sokongan keluarga mereka.

Sokongan daripada sekolah atau lebih spesifik sokongan guru dan rakan-rakan merupakan aspek penting dalam pembentukan emosi MBK. Hasil analisis temu bual daripada MBK, mendapati guru membantu dalam memberikan motivasi dan bimbingan secara berterusan kepada mereka. Hujah ini disokong oleh Ahmad et al. (2013) yang menyatakan bahawa rakan-rakan sekolah yang membentuk persekitaran positif juga membantu MBK mengurangkan rasa kurang yakin terhadap diri mereka sendiri.Analisis daripada temu bual bersama guru juga mendapati MBK sering meminta bantuan guru dalam membuat tugasan yang diberi dan tidak segan untuk berkongsikan masalah mereka kepada guru. Hubungan guru dengan murid dapat menggalakkan penglibatan MBK di sekolah, di samping meningkatkan motivasi dan pencapaian pelajar (Lam et al., 2012).

Penglibatan aktiviti, sukan dan permainan bukan tertakluk di sekolah sahaja, malah penglibatan MBK juga terkait dengan aktiviti yang dianjurkan oleh komuniti luar seperti kelas permainan alat muzik, kelab sukan, aktiviti pertahanan diri seperti silat, karate dan aktiviti yang dapat melibatkan MBK dengan masyarakat. Hasil dapatan menunjukkan MBK sangat berminat dengan aktiviti yang mereka sertai di dalam dan di luar sekolah. MBK teruja apabila ditemu bual mengenai penglibatan dan bakat mereka dalam aktiviti seumpama ini. Hal ini dapat membawa mereka mengenali potensi diri melalui bakat dan

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

kekuatan yang mereka kuasai. Penglibatan dalam aktiviti permainan dan sukan membantu mengalihkan perhatian dan meningkatkan fokus MBK, seperti yang disandarkan dengan kajian lepas oleh Atkins et al. (2015), yang menyatakan bahawa MBK yang terlalu risau tentang prestasi akademik boleh menyumbang kepada kebimbangan, jadi adalah penting untuk MBK mempunyai peluang melibatkan diri dalam aktiviti selain akademik untuk menyegarkan fikiran dan meredakan kekecewaan dalam menghadapi kesukaran dalam akademik.

8. Kesimpulan

Kajian ini sedikit banyak membantu dalam menjawab kepada setiap persoalan kajian yang melibatkan strategi daya tindak MBK dalam menghadapi masalah pembelajaran dan kesan sokongan sosial kepada MBK daripada segi emosi. Dapatan kajian dirumuskan dan dibincangkan bagi menjelaskan lagi isu-isu dalam kajian yang telah dijalankan. Ketiga-tiga peserta kajian adalah dari sekolah yang sama. Berdasarkan kajian-kajian yang lepas telah menunjukkan tiada sebarang percanggahan yang berlaku berdasarkan hasil dapatan kajian ini. Kebanyakan kajian lepas menunjukkan wujudnya hubungan di antara daya tindak dengan prestasi dalam akademik.

Implikasi amalan dan kajian lanjutan merupakan dua implikasi yang terhasil daripada dapatan kajian. pihak sekolah dan sokongan luar. Implikasi lanjutan pula Pelaksanaan *Professional Learning Community* atau Komuniti Pembelajaran Profesional di kalangan guru di sekolah. Implikasi ini tidak terhad pada organisasi tertentu sahaja malah turut memberi implikasi kepada masyarakat mengenai pendedahan kepentingan strategi daya tindak untuk kesejahteraan emosi MBK. MBK juga perlu disayangi dan dilayan sama rata seperti murid normal. Ketidakupayaan dalam pembelajaran MBK hanyalah termaktub pada pembelajaran sahaja dan bukannya membentuk karakter mereka.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Penyelidik mengikut semua garis panduan etika penyelidikan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (RECUKM). Semua prosedur yang melibatkan subjek manusia dalam kajian ini dilakukan mengikut piawaian etika jawatankuasa penyelidikan institusi. Kesemua peserta kajian, PPD, JPN, dan KPM telah mendapat kebenaran dan persetujuan untuk menyertai kajian ini.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Pengkaji merakamkan jutaan terima kasih kepada penyelia bagi penyelidikan ini, Dr. Khairul Farhah Bt Khairuddin yang banyak memberikan sokongan, tunjuk ajar dan motivasi tanpa jemu. Penghargaan juga kepada Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia yang telah memberikan peluang untuk meneruskan pengajian ini sehingga ke garisan penamat. Tidak dilupakan, penghargaan diberikan kepada peserta kajian yang turut serta memberikan beberapa info penting bagi pengumpulan data dalam melaksanakan penyelidikan.

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Kewangan (*Funding*)

Tiada bantuan kewangan, derma atau kewangan berkaitan diterima daripada mana-mana pihak untuk penyelidikan ini mahupun penerbitan ini

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Tiada konflik kepentingan untuk penyelidikan atau penerbitan kajian ini. Penyelidik mengikut garis panduan yang ditetapkan.

Rujukan

Abd. Razak, N., & Mydin Kutty, F. (2021). Daya Tahan, Strategi Daya Tindak Serta Hubungannya Terhadap Tahap Kesejahteraan Psikologi Guru*. Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 6*(3)*, 171 – 179.* https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i3.713

Ahmad Afip, L., Hanapi, N. F., Zakaria, K. (2013). *Persepsi dan pengalaman guru pendidikan khas dalam menghadapi permasalahan disleksia dalam kemahiran literasi. Seminar Sains Kemanusiaan OKU Peringkat Kebangsaan (SKOKU)*. Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah (PPBPI) Universiti Malaysia Kelantan (UMK)

Atkins, M. R., Johnson D. M., Force E.C., & Petrie T.A. (2015). Peers, parents, and coaches, oh my! The relation of the motivational climate to boys' intention to continue in sport. *Psychology of Sport and Exercise*, *16*(3), 170-180, https://doi.org/10.1016/j.psychsport.2014.10.008.

Dilnot, J., Hamilton, L., Maughan, B., & Snowling, M. J. (2017). Child and environmental risk factors predicting readiness for learning in children at high risk of dyslexia. *Development and Psychopathology, 29*(1), 235–244. https://doi.org/10.1017/S0954579416000134

Firth, N., Frydenberg, E., & Greaves, D. (2008). Perceived control and adaptive coping: Programs for adolescent students who have learning disabilities. *Learning Disability Quarterly, 31*(3), 151–165. https://doi.org/10.2307/25474645\

Freire C., Valle A., & Regueiro B. (2020). *Coping Strategies and Self-Efficacy in University Students: A Person-Centered Approach*. Sec. Faculty of Psychology, University of Oviedo, Oviedo, Spain*.*

Frydenberg, E. (2020). My journey in coping research and practice: The impetus and the relevance. *The Educational and Developmental Psychologist, 37*(1), 83-90. doi:10.1017/edp.2020.9

Harahap, I., Ali, M. R., Md Rahim, N.,Salleh, M. A., Muslat, M. W. & Abu Bakar, M. B. (2022). Hubungan Antara Efikasi Kendiri Dengan Tahap Pencapaian Akademik Mahasiswa Semasa Proses Pembelajaran Atas Talian. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(6), e001566. doi: 10.47405/mjssh.v7i6.1566.

Ibrahim, I., & Hussin, M. (2016). Tahap daya tahan dalam kalangan pelajar IPTA di Malaysia dan di luar negara. *Jurnal Personalia Pelajar*, *19*(1), 75-85.

Lam, S. F., Jimerson, S., Kikas, E. Cefai, C., et al. (2012). Do girls and boys perceive themselves as equally engaged in school? The result of an international study from 12 countries. *Journal of School Psychology, 50*(1), 77-94.

Lazarus, R. & Folkman, S. (1984). *Stress, Appraisal and Coping*. New York: Springer Publishing Company.

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Lebar, O. (2018). *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan Kepada Teori dan Metode*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Mujahidah, N. E., Astuti, B., & Nhung, L.N. A.. (2019). Decreasing the academic stress through problem-focused coping strategy for junior elementary school students. *Psychology, Evaluation, and Technology in Educational Research,* 2(10).

Roksa, J., & Kinsley, P. (2019). The role of family support in facilitating academic success of low-income students. *Research in Higher Education, 60*, 415-436.

Samsudin, N., & Surat, S. (2022). Hubungan Strategi Daya Tindak dan Kesihatan Mental terhadap Pelajar Luar Bandar dalam Menghadapi Pembelajaran Semasa Covid-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, *7*(3), e001379. doi:10.47405/mjssh.v7i3.1379.

Schwarzer, R. & Knoll, N. (2007), Functional roles of social support within the stress and coping process: A theoretical and empirical overview. *International Journal of Psychology*, 42, 243-252. https://doi.org/10.1080/00207590701396641.

Selian, S. N., Hutagalung, F. D., & Rosli N. A. (2020).Pengaruh Stres Akademik, Daya Tindak Dan Adaptasi Sosial Budaya Terhadap Kesejahteraan Psikologi Pelajar Universiti. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan,* 7(2).

Shedd, C. L. (1968). Dyslexia and its Clinical Management. *Journal of Learning Disabilities, 1*(3), *171–184.* https://doi.org/10.1177/002221946800100302

Sivabalan, T., Zakaria, E., & Amin, A. S. (2018). Exploring Coping Strategies of Mother in Taking Care of a Child with Cerebral Palsy Disability. *Akademika, 88*(2), *121-134.*

Skinner, E., & Zimmer-Gembeck, M. (2007). The Development of Coping. *Annual Review of Psychology,* 58, 119-44. 10.1146/annurev.psych.58.110405.085705.

Skinner, E., Pitzer, J., & Steele, J. (2013). Coping as Part of Motivational Resilience in School: A Multidimensional Measure of Families, Allocations, and Profiles of Academic Coping. *Educational and Psychological Measurement,* 73, 803-835. 10.1177/0013164413485241.

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).